



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

ANAK MERDEKA MALAYSIA, DIRAI DENGAN PENUH GEMILANG

Dalam menyemarakkan semangat patriotik sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Arkib Negara Malaysia (ANM) memperkenalkan inisiatif istimewa yang dikenali sebagai “**Anak Merdeka Malaysia**”.

Program ini memberi penghormatan kepada rakyat Malaysia yang lahir pada dua tarikh bersejarah negara iaitu **31 Ogos dan 16 September** sebagai **simbol kepada perjuangan, kemerdekaan, dan perpaduan negara**.

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang, menegaskan bahawa inisiatif ini bukan sekadar meraikan tarikh lahir semata-mata, tetapi membawa makna mendalam dalam **mengangkat semangat kenegaraan dan jati diri bangsa**. Melalui 'Anak Merdeka Malaysia', kita bukan sahaja meraikan tarikh lahir mereka, tetapi kita **menyatukan suara rakyat dalam satu identiti kebangsaan**. Inilah wajah sebenar Malaysia MADANI negara yang menyanjung sejarah, menyemai harapan dan menyatukan rakyat.

Pendaftaran kini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkongsi tarikh lahir pada detik bersejarah tersebut, tanpa mengira latar belakang, umur atau kaum. Mereka yang berdaftar akan diberi peluang istimewa untuk menyertai pelbagai aktiviti sempena sambutan rasmi peringkat kebangsaan, menerima cenderahati kenang-kenangan, dan diraikan sebagai antara wira simbolik negara yang mewakili semangat perpaduan rakyat Malaysia.

Pendaftaran boleh dibuat dengan mudah melalui imbasan kod QR pada poster hebahan atau dengan melayari pautan rasmi berikut:
<https://forms.gle/Zd3fPnGaJwFgWeHNA>

Kementerian Perpaduan Negara menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia agar turut menyebarkan maklumat ini kepada ahli keluarga, sahabat handai dan komuniti setempat, agar lebih ramai dapat diraikan sebagai sebahagian daripada legasi merdeka. Inilah peluang kita sebagai rakyat untuk memperkukuh semangat patriotisme melalui penyertaan yang inklusif dan bermakna.

Kementerian Perpaduan Negara

28 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (59)